

70 peratus tapak niaga di Chow Kit, Jalan Masjid India beralih tangan

# Warga asing kuasai perniagaan

**KUANTAN** - Laporan menunjukkan kira-kira 70 peratus tapak perniagaan terutama di Chow Kit dan Jalan Masjid India di ibu negara telah dipajak atau disewakan kepada warga asing.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Lajim Ukin semasa mendedahkan masalah itu berkata, peniaga rakyat asing tersebut pula ada di kalangan mereka tidak mempunyai dokumen perjalanan diri.

"Situasi seperti ini jika tidak dibendung akan menjadi lebih serius dan boleh menutup peluang peniaga tempatan yang lain.

"Lebih dua juta pekerja bekerja di Malaysia pada masa kini, kalau bidang (perniagaan) ini pun mereka ambil, maka masyarakat tempatan akan kerugian," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan di pasar tani di sini semalam.

Lajim berkata, peniaga dan penjaja tempatan yang didapati memajak atau menyewa tapak perniagaan kepada warga asing diingatkan bahawa

mereka akan berhadapan dengan tindakan dibatalkan lesen perniagaan.

Sehubungan itu, katanya, pihak berkuasa tempatan (PBT) telah diminta mengenal pasti peniaga terbabit sebelum mereka diberi amaran untuk menjalankan perniagaan itu sendiri.

"Kita bagi tempoh tiga hingga enam bulan, kalau mereka masih berdegil, kita akan batalkan lesen mereka dan serahkan kepada peniaga tempatan yang lain," tegas beliau.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pekerja Asing Tanpa Izin baru-baru ini meminta PBT mengambil tindakan tegas terhadap rakyat asing yang didapati menjalankan perniagaan.

Muhyiddin turut memberi amaran akan mengenakan tindakan terhadap peniaga tempatan yang memajak atau menyewa lesen perniagaan mereka kepada rakyat asing kerana tindakan itu akan menjejaskan sumber pendapatan peniaga tempatan lain.



LAJIM (kanan) semasa melawat tapak pasar tani di perkarangan Stadium Darul Makmur di Kuantan semalam.